

12 penternak rugi hampir RM3 juta

Ikan mati dipercayai akibat pencemaran air, kekurangan oksigen

Oleh FARAH SHAZWANI

MARANG

Seramai 12 penternak ikan sangkar di Kampung Gong Tepah di sini kerugian hampir RM3 juta apabila ikan ternakan mereka mati secara berperingkat sejak 10 November lalu, dipercayai akibat pencemaran air dan kekurangan oksigen.

Difahamkan, kejadian itu berlaku sebanyak dua kali iaitu pada 10 November lalu dan kemuncaknya pada 15 November lalu.

Penternak ikan sangkar, Ah-



AHMAD MOKHTAR TAIB

mad Mokhtar Taib, 30, berkata, keluarganya kerugian lebih RM300,000 apabila 80 peratus ikan yang diternaknya mati.

"Saya perasan semasa gelombang pertama pada Selasa lepas apabila air tidak mengalir seperti biasa menyebabkan ikan kekurangan oksigen. Pada masa

itu sudah ada ikan yang mati. Dua hari kemudian keadaan kembali baik.

"Tapi gelombang kedua bermula pada Sabtu lalu. Lebih banyak ikan mati disebabkan air keruh dan berlumpur. Penternak di sini syak ia mungkin disebabkan pencemaran sungai memandangkan ikan-diselaputi selut termasuk hingga ke insang."

"Kita tahu kalau ikan diselaputi selut memang ada masalah menyebabkan ikan mati," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.



Penternak ikan sangkar di Kampung Gong Tepah menunjukkan ikan-ikan yang masih hidup.

Seorang lagi penternak ikan, Taib Sulaiman, 58, berkata, dia mula menternak ikan sangkar sejak tahun 2004 dan ini merupakan kejadian pertama menimpa penternak di situ.

"Saya sudah berbelas tahun menternak ikan. Walaupun hujan lebat dan banjir sekalipun,

tiada masalah. Tapi kali ini air bertukar keruh dan berlumpur. Tidak tahu datang dari mana. Sebab itu kita syak ia disebabkan pencemaran air."

"Saya ada 52 sangkar dan setiap sangkar ada antara 800 ke 1,000 ekor ikan. Setakat ini 80 peratus ikan mati. Tahun ini

paling menyediakan sebab ikan yang ada yang mencecah sehingga lima kilogram tetapi tidak dapat dipasarkan kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Tidak banyak yang terjual, selepas itu berlaku pula musibah sebegini. Tahun depan tak tahulah macam mana. Kalau boleh saya minta Jabatan Perikanan Terengganu siasat lumpur ini datang dari mana," katanya.

Sementara itu, Pegawai Khas Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Rhu Rendang, Nasaruddin Samsudeng ketika ditemui berkata, pihaknya sudah menerima aduan daripada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Desa Permai Darat Pak Chan pada 10 November lalu.

Susulan itu, katanya, pihaknya telah menghubungi Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perikanan Terengganu untuk turun mengambil sampel air sungai.